

13/05/2000

Lantang Berani Terbuka (HL)

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perwakilan di perhimpunan agung Umno kali ini semakin lantang dan berani mengkritik kepemimpinan serta membuat teguran secara terbuka bagi membaiki kelemahan parti.

Sebahagian besar perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul ucapan Presiden hari ini, juga lebih serius menyuarakan pandangan mereka berbanding sebelum ini.

Malah, ada perwakilan dengan lantang meminta barisan baru kepemimpinan Umno supaya sedia mendengar kritikan ahli dan segera menjalani proses muhasabah diri bagi memastikan sokongan rakyat yang berterusan kepada parti.

Suasana perbahasan ini dipercayai didorong oleh provokasi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya semalam yang antara lain menyentuh perubahan sikap orang Melayu hasil kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), keburukan politik wang dan sikap sesetengah pemimpin yang tidak menghiraukan lagi masalah rakyat.

Perdana Menteri dipercayai membangkitkan perkara itu supaya perwakilan menyuarakan pandangan secara ikhlas dan tanpa takut supaya sebarang kepincangan dalam parti dapat diperbetulkan.

Wakil Kelantan, Datuk Annuar Musa yang membahaskan ucapan dasar Presiden pagi ini, menegur sikap sesetengah anggota Majlis Tertinggi (MT) yang hanya asyik mengelek fail setiap kali ada mesyuarat MT tetapi kebanyakan keputusan yang dirumus, tidak dilaksanakan.

"Pelbagai biro dalam Umno termasuk biro politik masih belum berfungsi seperti sepatutnya manakala penggunaan kemudahan IT seperti komputer masih terkebelakang berbanding Pas walaupun kerajaan yang diterajui Umno adalah penggerak utama Koridor Raya Multimedia," katanya.

Beliau turut meminta pemimpin tinggi parti yang memegang jawatan penting dalam kerajaan termasuk Perdana Menteri dan timbalannya, menteri Kabinet dan Menteri Besar atau Ketua Menteri, turun melaksanakan kerja parti menjangkau batasan kawasan pilihan raya masing-masing.

"Jangan hanya asyik membuat kerja kerajaan sehingga kerja parti terabai kerana kerajaan yang kuat belum menjamin parti yang menerajui kerajaan itu juga kuat," katanya disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Kelantan, berkata dalam konteks memperkuat parti, Umno telah tercicir berbanding Pas.

Sebagai contoh, katanya, walaupun Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah Konfrontasi, provokasi punca hilang sokongan.

Menteri Besar Kelantan, beliau sentiasa menjelajah seluruh negara bagi mengembangkan pengaruh parti itu.

"Begitu juga dengan Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang dan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu, sekadar beberapa contoh," katanya.

Annuar juga meminta supaya dihentikan sikap konfrontasi dan provokasi ke atas beberapa golongan Melayu termasuk ulama kerana ia menjauhkan lagi sokongan orang Melayu kepada Umno.

Wakil Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin, pula menegur sikap beberapa pemimpin parti yang dikatakan malu untuk meletakkan bendera Umno di atas meja atau kereta mereka.

"Bila saya tanya mengapa tak bubuh (letak) pelekat Umno, depa (mereka) kata ini kereta kerajaan ... Depa ni tak sedar yang kereta depa tu datangnya dari kerajaan ... kerajaan tu Umno," katanya sinis.

Wakil Umno Pulau Pinang, Datuk Mohd Zain Omar, juga menyalahkan pemimpin

tertinggi Umno yang didakwa gagal melaksanakan apa yang dijanjikan sebelum ini hingga menyebabkan Pas menggunakan pengaruh dan kuasanya untuk menekan penyokong kuat Umno di agensi kerajaan seperti Petronas dan Tabung Haji.

Sehubungan itu, beliau mendesak kepemimpinan parti mengambil tindakan tegas menyekat penguasaan Pas ke atas agensi berkenaan.

"Hari ini tak takut dah, kalau ada yang agak boleh tegur, kita tegur. Saya percaya yang di atas boleh terima. Kalau tak boleh terima, tunggu lagi tiga tahun.

"Kita cuma minta itu saja, apa yang kita luahkan, apa yang begitu menyakitkan hati, orang mengata kepada kita. Kita menyampaikan, tolonglah ambil perhatian," katanya.

Wakil Pergerakan Wanita Umno, Mastika Junaidah Husin pula kesal dengan kepemimpinan terutama ahli MT yang malu dan takut untuk menerangkan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada rakyat.

"Kenapa dibiarkan saja Presiden terkontang kanteng sorang-sorang (seorang diri) menjelaskan isu ini kepada rakyat. Tidakkah boleh kita sebagai perwakilan, terangkan sendiri kepada rakyat?"

"Kita mahu mereka dan rakan-rakan rapat Anwar yang ada dalam barisan pimpinan parti untuk menceritakan sendiri," katanya.

Sementara itu, wakil Melaka, Asnor Datuk Sidang Hussein, berkata sikap mempertahankan diri Umno hanya membuka peluang kepada parti pembangkang menghasut orang ramai untuk terus membenci kerajaan.

Beliau berkata, bagi membawa parti ke mercu kecemerlangan, Umno perlu menjadi sebahagian budaya hidup semua golongan termasuk pelajar, penuntut universiti, pendidik, kalangan profesional serta kakitangan awam dan swasta.

"Kita sebenarnya alpa, kononnya tidak mahu mengganggu mereka. Kita rasa perlu membiarkan mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran dan tugas harian," katanya.

(END)